

Berbasikal jayakan konvoi kemanusiaan

SATU program konvoi berbasikal yang dinamakan Humanity Convoy 2014 berjaya dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), baru-baru ini.

Ia mendapat sambutan hangat apabila kira-kira 80 mahasiswa menyertai acara itu sambil diiringi Unit Kesihatan Pelajar.

Program yang bermula seawal jam 7 pagi itu menyaksikan para peserta perlu mengayuh basikal sejauh 17 kilometer secara konvoi menuju ke Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Para peserta singgah di dua lokasi berbeza iaitu Taman Perumahan Desa Cempaka

Puri dan Surau Ar-Rahman Desa Cempaka Nilai bagi menyempurnakan objektif acara tersebut.


Merela memperuntukkan tempoh masa selama tiga jam di setiap lokasi persinggahan bagi menjalankan aktiviti khidmat masyarakat seperti membersihkan kawasan longkang, membersihkan pokok, menanam pokok, membersihkan kolah surau dan mengecat surau.

Menurut pengarah programnya, Aminurrahyid Sahrom, program seumpama itu telah lama dirancang dan ia diadakan bersempena dengan Minggu Kemanusiaan. Selain itu, program itu juga bertujuan membudayakan penjagaan kesihatan dan menyemarakkan lagi budaya berbasikal di USIM.

"Selain untuk menjaga alam sekitar

ia juga dapat merapatkan ukhwah antara warga MPP dan pelajar bersama masyarakat. Seperti kita sedia maklum, generasi pelajar ini merupakan penyumbang warisan daripada pemimpin sedia ada untuk menjamin masa depan masyarakat setempat.

"Walaupun minggu peperiksaan bakal menjelma, namun aktiviti kemasyarakatan ini tetap diteruskan kerana program sebegini sememangnya mendekatkan diri kita kepada Allah di samping dapat menikmati serta menghayati pemandangan alam ciptaan tuhan sambil berbasikal," katanya.

Hadir merasmikan pelepasan konvoi, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad. 



PARA peserta perlu berbasikal sejauh 17 kilometer menuju ke lokasi yang telah ditetapkan.

PARA peserta sempat merakam gambar kenangan selepas berhempas-pulas menyelesaikan misi khidmat masyarakat.

